

02 NOV 2002

Syed Hamid-Air

SYED HAMID AKAN PERJELAS ISU PERJANJIAN AIR DI PARLIMEN

GEMENCHEH (Tampin), 2 Nov (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar akan menjelaskan secara terperinci semua aspek berkaitan isu perjanjian air dengan Singapura pada persidangan Parlimen.

Syed Hamid berkata forum terbaik untuk menjelaskan isu terbabit adalah pada persidangan Parlimen yang sekaligus menjawab kenyataan Menteri Luar Singapura S. Jayakumar kelmarin bahawa Singapura akan mencabar setiap aspek dakwaan Malaysia berhubung hak untuk mengkaji semula Perjanjian Air 1961 dan 1962.

"Saya rasa lebih baik saya jawab bukan secara rambang, jawab satu persatu dan forum terbaik ialah di Parlimen.

"Kalau ada usul (berkaitan isu itu) di Parlimen, terpulang kepada Speaker (untuk memutuskannya), tetapi kalau tidak ada (usul), melainkan saya sendiri hendak bawa satu kenyataan menerusi prosedur lain, saya akan mengkaji bagaimana saya boleh buat ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan mengenai Isu-isu Globalisasi dan Peranan Malaysia di Arena Antarabangsa anjuran Majlis Belia daerah Tampin di sini hari ini.

Hadir sama Anggota Parlimen kawasan Tampin Datuk Shaziman Abu Mansor, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Gemencheh Datuk Waad Mansor, Adun Repah Datuk Gary Gan dan Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Mohd Shahlan Shaid.

Syed Hamid berkata beliau telah menyediakan jawapan berkaitan isu itu dan pandangan anggota Parlimen yang lain boleh diambil untuk menyelesaikan perkara itu.

Ditanya bila beliau akan menjelaskan isu tersebut, Syed Hamid berkata: "Tunggulah macam mana Parlimen punya itu (keputusan)".

Namun begitu, kemungkinan isu itu akan diperjelaskan selepas beliau kembali daripada lawatan mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke-8 di Phnom Penh, Isnin dan Selasa ini.

Syed Hamid berkata sepatutnya Singapura tidak membuat kenyataan yang boleh menyentuh perasaan dalam membuat pandangan dan tuduhan serta hujah yang tidak membantu dalam proses untuk mencapai persetujuan.

"Yang penting, dalam kita mencapai persetujuan dan dalam proses rundingan, mustahak bagi kita lahirkan suasana dan persekitaran yang akan membolehkan perkara ini dilakukan," katanya.

Katanya rundingan itu sepatutnya diselesaikan dengan memberi keuntungan kepada kedua-dua belah pihak kerana rundingan itu telah dijalankan sejak empat tahun lepas.

Syed Hamid berkata Malaysia berhak membuat semakan perjanjian air itu kerana sebagai pembekal, negara ini berhak melakukan semakan apabila penjualan air itu tidak memberi manfaat kepadanya.

"Dia beli tiga sen untuk 1,000 gelen dan kita beli 50 sen. Ini tidak membawa manfaat kepada kita dan kita mahu ia disemak. Dia (Singapura) mesti jujur dan ikhlas mahu melihat Malaysia tidak rugi dalam penjualan air. Kita punya kekuatan, kita beri janji untuk bekalkan air untuk kegunaan dia," katanya.

Syed Hamid berkata alasan Singapura bahawa Malaysia tidak berhak melakukan semakan perjanjian itu yang sepatutnya dilakukan pada 1986 dan 1987 kerana tempoh itu telah berlalu, tidak boleh dijadikan alasan kerana ia bukanlah tarikh akhir untuk membuat semakan.

"Bila sekarang kita hendak buat (semakan), patut dia (Singapura)

menerima... bukan hendak berdolak-dalih dan tidak mengambil peluang kerana kita lambat membuat semakan. Kalau tak capai penyelesaian (dalam rundingan), kita kena ambil tindakan seperti yang diperuntukan oleh perjanjian.

"Saya fikir Singapura tak boleh marah dan kalau kita hendak berunding, dia punya kenyataan tidak keterlaluan dan nampak menyalahkan Malaysia dan sikap dia sentiasa menyalahkan orang lain tidak membantu dalam kita mencapai perundingan yang memuktamadkan perjanjian kita," katanya.

-- BERNAMA

APG LAT